

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)
06 - 7659961
06 - 7659962
No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail kami: P.Kw.N / N.S(349) 668 / 3 Klt.82 (77)

Tarikh: 7 Januari 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**KAEDAH PEROLEHAN DI BAWAH PERUNTUKAN AKAUN AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) PASCA BANJIR**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Mesyuarat Khas (Pasca Banjir) Jawatankuasa Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) pada **29 Disember 2021** yang lalu telah meluluskan sebanyak **RM39.6 juta** bagi **88 buah projek** pembaikan selaras dengan ketetapan Pekeliling Perbendaharaan PB3.6 - dengan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri 3.0. Kelulusan projek-projek ini adalah merangkumi kerja-kerja baikpulih infrastruktur seperti baikpulih jalan, cerun, jambatan serta lain-lain kerja baik pulih.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan projek-projek tersebut dapat dilaksanakan dengan kadar **SEGERA**, YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah **diberikan kebenaran** untuk melaksanakan kaedah **perolehan secara undian** dengan **had nilai** sehingga **RM200 ribu sahaja**. Manakala lain-lain kaedah perolehan perlu mematuhi Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 – Kaedah Perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

4. Selain daripada itu, pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan juga hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan PB3.3 – Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP 55) dan Perolehan Darurat (AP 173.2) jika terdapat sebarang keperluan darurat yang perlu dilaksanakan secara serta merta, terhad kepada skop kerja yang terjejas sahaja seperti yang tertakluk dalam PB3.3 tersebut.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSIH.MUAFAKAT.SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)

S.k:

Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri
Negeri Sembilan

SENARAI EDARAN

1. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
2. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus
3. Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Negeri Sembilan Darul Khusus
4. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
5. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah
Negeri Sembilan Darul Khusus
6. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson
Negeri Sembilan Darul Khusus
7. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Jempol
Negeri Sembilan Darul Khusus
8. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Tampin
Negeri Sembilan Darul Khusus
9. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Rembau
Negeri Sembilan Darul Khusus
10. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Jelevu
Negeri Sembilan Darul Khusus
11. Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Kecil dan Tanah Gemas
Negeri Sembilan Darul Khusus
12. Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Port Dickson
Negeri Sembilan Darul Khusus
13. Yang DiPertua
Majlis Daerah Rembau
Negeri Sembilan Darul Khusus
14. Yang DiPertua
Majlis Daerah Jelevu
Negeri Sembilan Darul Khusus
15. Yang DiPertua
Majlis Daerah Kuala Pilah
Negeri Sembilan Darul Khusus
16. Yang DiPertua
Majlis Daerah Jempol
Negeri Sembilan Darul Khusus
17. Yang DiPertua
Majlis Daerah Tampin
Negeri Sembilan Darul Khusus